

03 JUL 1997

Denggi

KENYATAAN MENGENAI DENGGI BERI GAMBARAN SALAH TERHADAP PULAU PINANG

PULAU PINANG, 3 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata kenyataan berhubung kes denggi yang membayangkan negeri ini mempunyai kes yang paling banyak adalah tidak tepat.

"Dulu, ada 20 kes dilaporkan dalam seminggu tetapi jumlahnya kini telah turun kepada 12 kes seminggu dan saya berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di negeri ini dalam memerangi wabak itu," kata beliau.

"Saya berpendapat kenyataan yang menyebut Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri yang mencatatkan paling banyak kes denggi itu tidak adil..," katanya selepas merasmikan makmal komputer Penas-Universiti Sains Malaysia di kampus universiti itu di sini hari ini.

Semalam Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dilaporkan berkata bahawa Pulau Pinang adalah antara negeri paling teruk dilanda wabak denggi dengan peningkatan sebanyak 871.1 peratus atau 437 kes dalam enam bulan pertama tahun ini berbanding 45 kes dalam tempoh yang sama, tahun lepas.

Koh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Negeri menegaskan, Pulau Pinang merupakan negeri pertama mengenakan hukuman berat terhadap pemaju projek-projek pembinaan -- sama ada dengan membawa mereka ke mahkamah atau mengenakan kompaun berat -- kerana kesalahan "membiak" nyamuk Aedes.

Menurut beliau, sebanyak 21 syarikat yang didapati membiak Aedes telah dihadapkan ke mahkamah manakala 30 syarikat pemaju lagi telah diarah memberhentikan kerja sejak kerajaan negeri melancarkan "perang" terhadap denggi Mac lepas.

Ketika mengulas mengenai hasrat Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik untuk mengundur diri daripada jawatan Menteri Perusahaan Utama, Koh yang juga Pengerusi Gerakan negeri berkata, hasrat Lim itu jelas membuktikan bahawa beliau tidak mementingkan jawatan dan sanggup berkorban demi kepentingan negara.

Bagaimanapun, beliau berpendapat Dr Lim patut mengekalkan jawatannya itu memandangkan beliau masih bertenaga walaupun telah berusia 60 tahun.

"Kita mempunyai contoh apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang telah berusia lebih 70 tahun masih berkemampuan memimpin negara," katanya.

Koh berkata, beliau telahpun menyatakan pandangan peribadinya itu kepada Dr Lim.

Presiden Gerakan itu menyatakan hasratnya untuk mengundur diri daripada jawatan Menteri untuk menumpukan perhatian kepada politik baru-baru ini. --

BERNAMA

RA PR NMO